

09 JUL 2003

Menara/I

MENARA BUKU SETINGGI 12-METER DIBINA UNTUK PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Menara buku setinggi 12 meter sedang dibina sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Struktur menara itu yang berbentuk Menara Kembar Petronas akan mengabadikan buku-buku yang ditulis oleh Perdana Menteri serta penulis-penulis Malaysia yang ternama.

Projek itu dijalankan bersama Hardknocks Factory Sdn Bhd dan Sunway Pyramid Sdn Bhd.

Pengerusi jawatankuasa penganjur Billi P S Lim berkata menara buku itu untuk memperingati usaha pemimpin berkenaan selama 23 tahun yang menjadikan Malaysia sebagaimana hari ini.

"Setelah memikirkan dan mengadakan beberapa mesyuarat, kami telah memutuskan bahawa tidak ada yang layak untuk diabadikan bagi Perdana Menteri selain daripada mewujudkan menara buku yang tertinggi di Malaysia dan mungkin dunia sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kita kepada pemimpin itu," katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Billi berkata menara itu akan siap 8 Ogos depan dan akan dipamerkan di Eastwing Sunway dari 8 Ogos hingga 1 Sept, diikuti dengan pameran selama sebulan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

"Penganjur akan membina dan menyiapkan menara itu dengan buku sehingga 8 Ogos. Orang ramai juga dijemput menyertainya," kata beliau.

Billi berkata beliau juga telah menjemput Perdana Menteri pada majlis itu dan masih lagi menanti jawapannya.

Menara itu akan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai menara buku tertinggi di Malaysia dan akan dikemukakan kepada Guinness Book of Records sebagai satu penyertaan bagi menara buku tertinggi di dunia.

Satu pameran akan diadakan bagi mereka yang ingin mempamerkan produk dan perkhidmatannya yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri dari 8 Ogos hingga 15 Ogos.

Setakat ini Pelanduk Publications menyediakan buku dan diharap lebih banyak buku akan disumbangkan oleh penerbit-penerbit lain, kata Billi.

-- BERNAMA

RW KHY BK RON